



## **SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

---

### **MESYUARAT MAJLIS BENIH NEGARA BILANGAN 1/2026 DI MARDI SEBERANG PERAI PULAU PINANG**

---

**SEBERANG PERAI, 14 APRIL 2026** – YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Benih Negara (MBN) Bilangan 1 Tahun 2026 di MARDI Seberang Perai, Pulau Pinang. Mesyuarat strategik ini melibatkan wakil Kementerian, agensi Kerajaan serta pakar industri benih dan baka daripada sektor swasta.

Inisiatif Hab Benih Negara bertujuan memperkukuh agenda membangunkan bekalan benih dan baka tempatan sebagai langkah strategik bagi menjamin kestabilan bekalan serta keselamatan makanan negara. Agenda persediaan negara bagi menjamin bekalan benih sentiasa tersedia ini dilihat positif dan bertepatan terutamanya susulan krisis tenaga global yang telah memberi tekanan dan implikasi besar kepada rangkaian bekalan makanan terutamanya perikanan, tanaman dan ternakan.

Dalam usaha menangani kebergantungan tinggi terhadap benih import, mesyuarat telah membincangkan:

- i. Penetapan hala tuju pengukuhan industri ruminan di Malaysia yang merangkumi komoditi kambing dan lembu bagi mencapai hasil produktiviti yang tinggi melalui penghasilan baka berkualiti tinggi serta pelaksanaan kerjasama strategik antara Kerajaan dan pihak swasta; dan

- ii. Mengkaji keperluan penubuhan Jawatankuasa Teknikal Benih sebagai badan regulatori untuk memastikan standard benih negara memenuhi keperluan pasaran benih tempatan dan pasaran eksport.

YB Menteri turut mengadakan lawatan ke Institut Pertanian Bumbong Lima (IPBL) sebagai tanda komitmen Kerajaan dalam memperkukuh pembangunan modal insan serta menarik minat golongan belia untuk menceburi sektor pertanian. IPBL merupakan salah satu daripada enam (6) institusi latihan pertanian utama di Malaysia yang menawarkan Program Sijil Pertanian dan Program Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Sehingga kini, IPBL telah melahirkan seramai 3,430 graduan mahir di bawah Program Sijil Pertanian manakala 148 graduan di bawah Program SKM. Melalui program latihan yang ditawarkan, IPBL mampu melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pertanian, sekali gus menyokong usaha meningkatkan kualiti benih dan baka tempatan.

Pembangunan industri benih dan baka melalui kerjasama strategik antara Kerajaan dan pihak swasta turut menyumbang kepada peningkatan daya saing sektor agromakanan. Oleh itu, usaha berterusan dalam memperkasa benih dan baka tempatan adalah kunci utama ke arah mencapai keterjaminan makanan dan pembangunan pertanian yang mampan agar usaha mengurangkan import benih sebanyak 30% menjelang tahun 2040 dapat dicapai dengan jayanya.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

